
Title	General paper I: Kebudayaan (Lectures 12-14)
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1960 Muhammad Ariff bin Ahmad

GENERAL PAPER I.

MAS 12

KEBUDAYAAN

Lecture 12 = 6.6.60 – 11.6.60

Hal: MENGHIAS DIRI (I).

Bacaan: Keb. S. Lalu muka 56 – 62.

1. CHARA2 BERHIAS DIRI:

a) Berchachah (tattoo):

i. Sebab-nya mereka berchachah:-

- a. Mereka berchachah supaya nampak lebeh hebat atau lebeh berani.
- b. Mereka hendak melukiskan hal yang jadi kenang2an-nya, pada tuboh-nya.

ii. Chara-nya mereka berchachah:

- a. Orang yang belum beradab, berchachah dengan tulang2 atau duri limau.
- b. Pada luka chachah itu di-buboh chat (getah2 kayu) supaya gambar chachah itu nampak terang.

b) Berpakaian:

i. Sebab-nya mereka berpakaian:-

- a. Mereka berpakaian untok menjaga badan-nya daripada terkena panas atau sejok.
- b. Mereka berpakaian kerana malu orang nampak badan-nya.
- c. Mereka fikir: memakai pakaian itu lebeh chantek dan lebeh sopan daripada tidak memakai pakaian.

* Kerana orang Melayu beragama Islam mereka mesti-lah mengikut perintah Islam – orang Islam mesti-lah me-nutup aurat (private parts of the body).

2. PAKAIAN MELAYU:

a) Pakaian Laki2:

- i. Mula2 mereka berserual dan berbaju sahaja.
- ii. Serual di-pinda jadi seluar, dan baju jadi baju kurong (pesen Telok Belanga atau pesen Chekak Musang). Di-pakai pula kain samping.
- iii. Seluar Melayu: panjang; di-pakai di-dalam kain.
- iv. Seluar Jawa: pendek; di-pakai di-dalam kain.
- v. Seluar Aceh: Panjang berpesak; chengkek di-bawah-nya dan di-pakai di-dalam kain.
- vi. Pakaian di-kepala ia-lah destor; songkok; tengkolok.
- vii. Orang kebanyakan ta'boleh pakai tengkolok; ta'boleh memakai warna kuning; ta'boleh memakai payong.

b) Pakaian Perempuan

- i. Pakaian di-kepala ia-lah kekudong; tudong dan selindung.
- ii. Di-tuboh ia-lah baju kurong; baju laboh; kebaya Bandoeng; kebaya panjang atau baju2 potongan modern.
- iii. Dasar baju2 modern ia-lah kebaya; pesen-nya di-buat sa-perti potongan2 Eropah.

3. PERHIASAN: Lihat Lecture 13.

4. PERSOLEKAN: - sama -

5. ADAT BERTINDEK - sama –

=====

GENERAL PAPER I.

MAS 13

Lecture 13 = 13.6.60 – 18.6.60

Hal: MENGHIA DIRI (II)

Bachan: Keb. S. Lalu: 56 – 62.

1. CHARA2 BERHIAS: Lihat Lecture 12.

2. PAKAIAN MELAYU: - sama –

3. PERHIASAN:
 - a) Kalong : Kalong bunga; tulang2; gigi ; kulit2 kerang; yang paling modern ia-lah emas.
* Laki2 memakai kalong sa-bagai tanda kebesaran pangkat-nya.
* Perempuan memakai kalong kerana perhiasan leher-nya. Leher jenjang = chantek.

 - b) Gelang : saperti kalong: tetapi di-pakai di-tangan.
* Perempuan memakai gelang pada tangan dan pada kaki.

 - c) Chinchin : di-pakai untok jadi perhiasaan jari2 tangan.
* chinchin itu di-pakai juga sa-bagai tanda per-tunangan antara pemuda dan pemudi.

 - d) Subang : di-pakai di-telinga; jadi perhiasaan sahaja.
* Siapa mau memakai subang teling-nya mesti-lah di-tindek.
* Subang= kerbau; anting-anting.

4. PERSOLEKAN:
 - a) Bocheng : Sa-jambak rambut, di-tengah2 kepala di-biarkan panjang. Di-pakaikan kapada anak laki2 hingga niat bapa-nya terchapai. Biasa-nya di-niatkan orang.

 - b) Jambul : Rambut di-ubun2 budak laki2 di-tinggalkan; pada bahagian lain di-chukor. Ini di-buat untok men-jauhkan penyakit daripada budak itu.

 - c) Alis : Orang perempuan menghitamkan kening dan bulumata, kerana orang Melayu fikir: kening yang chantek ia-lah yang hitam dan lebat.

 - d) Inai : Di-pakai oleh laki2 dan perempuan kerana menjauhkan penyakit kelurut; dan sa-bagai tanda pengan-tin baru.

 - e) Modern :

5. BERTINDEK TELINGA:

- a) Sebab-nya : 1. anak perempuan,
2. anak laki2 macham perempuan,
3. anak-nya semua laki2 belaka.
* menindek anak laki2 pada masa ini tidak di-buat orang, bahkan menindek anak perempuan pun sudah berkurangan bilangannya.
- b) Chara bertindek: di-tindek oleh bidan.
* perkakas-nya: jarum (kalau kaya pakai jarum emas); minyak kelapa; kunyit dan benang.
* chuchok chuping telinga; biarkan kunyit dan minyak kelapa itu menyemohkannya.
- c) Adat-nya : Tiap2 perlakuan adat mesti-lah kenduri dan ber-doa selamat.
* sa-tidak2 kenduri ia-lah bubor puteh dan bubor merah.
* anak yang di-tindek itu tidak-lah di-tetapkan umornya. Boleh di-buat bila2 masa.

%%%%%%%%%

GENERAL PAPER I.

MAS 14

KEBUDAYAAN

Lecture 14 = 20.6.60 – 25.6.60

Hal: SANGGUL.

Bachan: Keb. S. Lalu 63 – 67.

1. UKORAN2 KECHANTEKAN

- a) Kulit = hitam manis atau puteh kuning;
- b) Muka = bujur sireh atau bulat;
- c) Hidong = manchong;
- d) Leher = janjang;
- e) Dada = bidang;
- f) Pinggang = ramping;
- g) Mulut = tipis;
- h) Alis = lebat;
- i) Rambut = hitan; lebat; panjang ka-tumit, dll.

2. SANGGUL:

- i. Menurut Nyonya Mastini, ada 56 jenis sanggul modern.
- ii. Dalam sa-buah kongres wanita Indonesia terdapat lebeh daripada 30 jenis sanggul.
- iii. 6 jenis sanggul lama:-
 - 1) Sanggul Lintang:
= di-pakai oleh orang perempuan yang berbadan gemok. Dulu sanggul ini menjadi pujaan orang2 muda.
 - 2) Sanggul Bulat atau Siput:
= sanggul ini biasa di-bagai2kan orang: ada orang bersiput di-tengah2 kepala di-sebut sanggul pukul 12; ada orang yang bersiput di-tengkok di-sebut sanggul pukul 4; ada orang yang ber-siput dua di-sebut sanggul dua; ada pula yang melampaikan dua sanggul-nya itu di-atas bahu-nya di-sebut sanggul jantung hati.
 - 3) Sanggul Nyonya China:
= Sanggul ini di-ikat ketat2, ada bauk-nya dan menggunakan chuckok sanggul 2 atau 3 batang.
 - 4) Sanggul Solo:
= sanggul ini memakai lingkaran bulat macham kueh keria atau spare-tyre; terletak di-bawah tengkok, lebar.
 - 5) Sanggul Selampit:
= rambut di-selampitkan kemudian di-selitkan mengikut kiri kanan kepala, berchantum di-atas-hadapan kepala.

6) Sanggul Gulong:

= rambut di-gulong2 ka-dalam rambut sa-hingga rambut menggelembong di-kiri kanan dan bahagian bawah-nya.

3. HIASAN RAMBUT:

- a) Sarong Rambut = di-pakai bagi mengawal rambut daripada menggerbang.
- b) Tusok Konde = di-pakai untuk Sanggul Solo.
- c) Chuchok Sanggul = di-pakai untuk Sanggul Nyonya China.
- d) Bunga = di-pakai untuk menghiasi sanggul2:
 - i. bunga kuntum,
 - ii. “ sisir,
 - iii. “ kalong.
- e) Chemara = dulu orang memakai chemara untuk bersiput, kerana ta' chukup rambut; sekarang orang lebih suka pakai rambut palsu atau siput2 palsu yang di-beli.
- f) Keriting = mengikut zaman orang2 perempuan Melayu ramai yang bekeriting rambut. Jika mereka ingin bersanggul kena-lah bersiput palsu.

4. CHONTOH2 SANGGUL:

pukul 12

pukul 4

Sanggul lintang

Sanggul bulat

Sanggul dua

Sanggul jantung hati

Sanggul Nyonya China

Sanggul Solo

Sanggul Selampit

Sanggul gulong

Soalan2:

1. Apa-kah yang di-katakan ukoran2 kechanteakan itu?
2. Terangkan bagaimana orang Melayu mengukur kechanteakan sa-sao-rang perempuan pada masa yang lampau.

3. Apa-kah erti-nya:-
 - a) chemara,
 - b) bunga sisir,
 - c) sanggul,
 - d) Sanggul pukul 12,
 - e) tusok konde.

4. Sebutkan nama enam jenis sanggul2 lama, dan terangkan bagaimana hendak membuat sa-jenis daripada sanggul itu. Terangkan dgn. rengkas sahaja

5. Lukiskan-lah sa-orang perempuan Melayu yang memakai Sanggul Solo.

6. Lukiskan-lah sa-orang perempuan Melayu yang memakai Sanggul Lintang.